

04 NOV 1999

Mahathir-Pendedahan

RUJUK DULU SEBELUM DEDAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini membuat keputusan melarang anggota parti membuat sebarang pendedahan berkaitan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum merujuk perkara itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

Dr Mahathir berkata larangan itu bertujuan memastikan setiap pendedahan yang dibuat mesti mempunyai bukti berbentuk dokumen.

"Kita perlu ada dokumentasi penuh supaya kalau ada (dakwaan dalam) pendedahan, ia boleh dipertahankan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di ibu pejabat parti di Menara Dato Onn.

Perdana Menteri berkata Umno akan tentukan anggota tidak membuat pendedahan sewenang-wenang iaitu yang tidak mempunyai cukup bukti dan tidak boleh dipertahankan jika ada pihak yang mengambil tindakan undang-undang.

"Kalau ahli ada apa-apa, dia (harus) beritahu kepada saya dulu, saya akan semak dan kalau saya berpendapat bahawa ia perlu sokongan daripada dokumen, saya akan minta dia dapatkan dokumen itu.

"Kalau dia tak dapat kita tak boleh dedah kerana sukar untuk mempertahankan pendedahan yang memburukkan orang lain yang tidak ada bukti," katanya.

Ketika ditanya sama ada larangan oleh MT itu bercanggah dengan permintaan Badan Pencegah Rasuah supaya penyelewengan dilaporkan kepada badan itu, Dr Mahathir berkata oleh kerana masalah itu melibatkan parti, lebih baik ia dilaporkan dahulu kepada parti.

"Perkara ini ada kaitan dengan parti, kalau dia nak report pada sesiapa pun lebih baik dia beritahu kepada parti dulu supaya kita tentukan dia tak pergi buat laporan yang kemudian dia tak boleh dapat cukup keterangan, tak boleh prove (buktikan), tak boleh pertahan," katanya.

Menjawab soalan sama ada bekas Penolong Gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid adalah anggota Umno, Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti.

Murad merupakan orang yang mendedahkan mengenai satu akaun berjumlah RM3 bilion untuk digunakan oleh Anwar bagi kepentingan politiknya.

Ekoran pendedahan Murad itu yang dibuatnya menerusi satu akuan berkanun, beberapa pemimpin Umno berkata mereka juga bercadang membuat pendedahan yang turut mengaitkan Anwar.

Ditanya mengenai maksud bukti berbentuk dokumen itu, Dr Mahathir berkata: "Macam-macam...sebarang dokumen yang boleh dijadikan evidence (bukti), kita akan kumpul dan semak dan jika benar baru boleh buat pendedahan."

Katanya, yang dimaksudkan dengan bukti itu boleh jadi membabitkan wang atau penyalahgunaan kuasa, yang semuanya perlu mempunyai dokumen bukti.

Dr Mahathir menasihatkan anggota Umno supaya berhati-hati dalam soal membuat pendedahan itu.

Ketika ditanya sama ada terdapat anggota MT yang membuat pendedahan dengan bukti kukuh dalam mesyuarat malam ini, beliau berkata: "Ada beberapa kes disebut tetapi tidak ada bukti, cuma pengalaman mereka.

"Saya beritahu mereka kita perlukan dokumentasi penuh supaya kalau ada apa-apa tindakan undang-undang, kita dapat mempertahankannya."

Ketika ditanya sama ada pendedahan yang dibuat oleh seorang wanita yang dulunya didakwa mempunyai hubungan dengan bekas ketua menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkaitan dengan usaha membersihkan nama Rahim, Dr Mahathir menjawab;

"Tiba-tiba saja ia timbul. Anwar sebut dalam kesnya... dia (wanita itu) tak suka namanya dibabitkan. Terpulang kepada orang ramai untuk terima atau tidak," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau akan mengadakan lawatan kali kedua ke kawasan-kawasan tertentu tidak lama lagi tetapi lawatannya kali ini lebih untuk berjumpa dengan jentera parti dan "bukan sangat untuk berjumpa dengan orang ramai."

Namun demikian, katanya, dalam keadaan-keadaan tertentu perjumpaan dengan orang ramai mungkin juga diadakan.

Beliau berkata mesyuarat MT malam ini juga meluluskan penubuhan 30 buah cawangan baru.

Ketika ditanya sama ada pilihan raya umum akan diadakan tahun ini atau tahun depan, Dr Mahathir berkata, "Mungkin ya dan mungkin tidak. Belum ada ilham lagi."

-- BERNAMA

ARA MNY MAI